

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HASSAN BIN MALEK**

**SOALAN : NO. 1**

**Y.B. Dato' Sri Hassan Bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian bagi memastikan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Beting di Negeri Sembilan tidak menjadi projek gajah putih. Ini adalah kerana masa kini bilangan pelajar hanya dalam lingkungan 1,000 orang sahaja sedangkan prasarana yang sedia ada mampu menempatkan 4,000 orang pelajar pada satu-satu masa. Kehadiran pelajar yang berpatutan bilangannya sudah pasti secara tidak langsung dapat melonjakkan ekonomi peniaga dan penduduk Kuala Pilah.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa membuat perancangan yang teliti dalam menyediakan pelan pembangunan sesuatu projek dan setiap projek pembangunan akan memberi nilai tambah untuk penduduk di kawasan tersebut.

Projek UiTM Kuala Pilah adalah projek RMK-9 yang telah direka untuk menampung kapasiti 2,000 orang pelajar bagi akademik dan 2,000 pelajar untuk asrama. Pada masa sekarang terdapat 1,692 orang pelajar dan diunjurkan jumlah pelajar di UiTM Kuala Pilah akan mencecah 2,815 orang pada tahun 2020.